

D848

U B640 BAH  
MAHATHIR - DEMOKRASI

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA KEKALAHAN BEBERAPA ORANG CALON TAJAAN PARTI PEMERINTAH PADA BEBERAPA PILIHAN RAYA DI NEGARA INI MEMBUKTIKAN DEMOKRASI HIDUP DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BERBEZA DENGAN BEBERAPA NEGARA LAIN APABILA HANYA CALON-CALON TAJAAN KERAJAAN YANG MENANG, TETAPI DI MALAYSIA ADA CALON-CALON DARIPADA PARTI PEMBANGKANG TURUT MENCAPAI KEJAYAAN.

MALAHAN ADA CALON-CALON PARTI PEMBANGKANG YANG MENANG PADA PILIHAN RAYA YANG LEPAS SEHINGGA MEMBOLEHKAN PARTI PEMBANGKANG ITU MENGUASAI KERAJAAN NEGERI, KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN MALAM +PRESIDEN UMNO DENGAN WAKIL-WAKIL MEDIA MASSA+, DI SINI MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA PEMBUBARAN PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DI SEMENANJUNG YANG DIBUAT LEBIH AWAL DARIPADA TEMPOH YANG DIBENARKAN, JUGA MEMBUKTIKAN DEMOKRASI HIDUP DI NEGARA INI.

WALAUPUN KERAJAAN MEMPUNYAI MASA, SEBELUM TEMPOH LIMA TAHUN YANG DITETAPKAN ITU TAMAT, PEMBUBARAN ITU TELAH DIBUAT LEBIH AWAL, DAN BARISAN NASIONAL TELAH BERBUAT DEMIKIAN SEJAK BEBERAPA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS, KATANYA. -- LAGI

2353MST 04 10 90

D850

U B641 BAH  
MAHATHIR - DEMOKRASI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI PETANG TADI MENGUMUMKAN PEMBUBARAN PARLIMEN MULAI ESOK DAN MENGARAHKAN SEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI DI SEMANJUNG SUPAYA MEMBUBARKAN DEWAN UNDANGAN NEGERI MASING-MASING MULAI TARIKH YANG SAMA BAGI MEMBOLEHKAN PILIHAN RAYA UMUM KELAPAN DIADAKAN DALAM MASA 60 HARI.

MENGENAI MEDIA MASSA, BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK BENAR DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA KERAJAAN MENGAWAL DAN MENYEKAT KEBEBASAN AKHBAR-AKHBAR DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA, INI DAPAT DIBUKTIKAN DENGAN LANGKAH KERAJAAN MEMBENARKAN PENERBITAN AKHBAR-AKHBAR YANG BULAT-BULAT MENENTANG KERAJAAN, SAMBIL MEMBERI CONTOH AKHBAR +THE ROCKET+ IAITU LIDAH RASMI DAP, YANG SENTIASA MENGHENTAM KERAJAAN.

WALAUPUN AKHBAR ITU MERUPAKAN TERBITAN PARTI POLITIK DAN UNTUK EDARAN ANGGOTA-ANGGOTANYA SAHAJA, TETAPI IA JUGA DIJUAL PADA UMUM.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN KERAJAAN BOLEH MENYEKATNYA, TETAPI KERAJAAN TIDAK BERBUAT DEMIKIAN. INI MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN MENGAMALKAN SIKAP LIBERAL DALAM AMALAN KEBEBASAN AKHBAR, TAMBAH BELIAU. -- LAGI

2357MST 04 10 90

D854

U B642 AAB  
MAHATHIR - DEMOKRASI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA BARAT SEPERTI DI BRITAIN PUN TERDAPAT AKHBAR-AKHBAR YANG BERPIHAK KEPADA SESEBUAH PARTI POLITIK TETAPI TIADA PULA YANG MENUDUH BAHAWA AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN DIKAWAL OLEH SESUATU PIHAK.

MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM KALI INI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN MEMERINTAH SEMULA.

BELIAU BERHARAP RAKYAT AKAN MENGUNDI CALON-CALON BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI. -- BERNAMA

0004MST 05 10 90